

20 DEC 2000

Agong-Hakim

KETUA HAKIM NEGARA BARU TERIMA WATIKAH PELANTIKAN

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Ketua Hakim Negara yang baru Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah hari ini menerima watikah pelantikan daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara di sini.

Beliau juga mengangkat sumpah memegang jawatan dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Pelantikan itu yang berkuatkuasa hari ini diputuskan pada Mesyuarat Majlis Raja-raja ke-187 November lepas.

Mohamed Dzaidin, 63, menggantikan Tun Eusoff Chin yang tamat tempoh perkhidmatannya semalam selepas enam tahun enam bulan menyandang jawatan itu.

Mohamed Dzaidin, anak kelahiran Arau, Perlis, mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah Melayu dan kemudiannya di Kolej Sultan Abdul Hamid di Alor Setar.

Beliau pernah menjadi wartawan akhbar The Malay Mail dari 1956 hingga September 1957 sebelum bertukar kerjaya sebagai inspektor polis dalam Cawangan Khas.

Beliau meninggalkan bidang itu untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perundangan di London pada 1962.

Kerjayanya di bidang perundangan bermula setelah beliau diterima menjadi peguam di England pada 19 Julai 1966 dan di Malaysia pada 28 Jan 1967.

Pada 1 Okt 1982, ayah kepada dua orang anak ini, dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi dan seterusnya sebagai Hakim Mahkamah Agung pada 18 Dis 1992 dan dilantik Hakim Mahkamah Persekutuan pada 1 Jan 1993 berikutan penukaran nama mahkamah tertinggi negara.

-- BERNAMA

NHA AHH MAI